

TRANSKRIP SIDANG MEDIA
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KKDW
TOKYO, 20 FEB 2024

Lawatan hari terakhir di Tokyo ini telah memberikan Keberhasilan dari segi bukan hanya dalam bidang TVET tetapi meliputi pelbagai bidang yang lain terutamanya apabila dua buah syarikat yang terlibat di dalam bidang pendigitalan dan bertaraf dunia telah memberikan beberapa input terutamanya apabila soal Bagaimana climate change dan juga global warming berlaku, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara mengambil peluang ini untuk mempelajari apa yang mereka telah lakukan kerana Di Jepun ini juga banyak mengalami situasi banjir, tsunami dan juga perubahan iklim yang sangat mendadak. Dan Tentu kita muahu Met Malaysia, NADMA dan juga jawatankuasa banjir di peringkat negeri dan daerah akan bermanfaat apabila segala maklumat terbaru yang telah digunakan di Jepun ini dapat juga digunakan di negara kita. Terutamanya apabila pengurangan risiko bencana dapat dipelajari dari early warning system yang telah lama diamalkan di Malaysia. Di mana di Jepun, mereka mempunyai sistem yang lebih advance lagi dan ini harus dipelajari oleh NADMA dan MET akan jadi rakan kongsi utama untuk NADMA bagi menyantuni dan menyelesaikan risiko yang akan berlaku jika berlaku bencana negara.

Saya juga telah membangkitkan tentang soal sistem menggunakan satelit bagi mengurangkan risiko terhadap berlakunya jerebu yang berhasil daripada negara jiran dan Ini adalah sesuatu yang mereka telah cadangkan di mana kita akan mengadakan beberapa tindakan bukan sahaja NADMA tetapi juga kementerian-kementerian lain yang terlibat di dalam menangani masalah jerebu ini.

Begitu juga dalam soal yang melibatkan pendidikan tinggi, tadi telah dibincangkan tentang pembukaan sebuah universiti kampus cawangan di Malaysia, Universiti Tsukuba, di mana ianya telah dirancangkan begitu lama dan insya-Allah pada tahun ini, pembukaannya dibuat secara rasmi.

Dan Menteri Pendidikan Jepun berhasrat untuk datang ke Malaysia pada bulan Mei nanti, dan banyak perkara-perkara yang telah kita perbincangkan atas persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Jepun dalam lawatan baru-baru ini. Telah saya lakukan tindakan susulan supaya tindakan-tindakan segera dapat dicapai.

Tambahan pula, pada tahun ini Jepun akan menghantar 30 ribu pelajar-pelajarnya ke luar negara dan sebanyak 14.5 bilion yen akan dibelanjakan. Dan hingga tahun 2033, Jepun akan menghantar kira-kira 500 ribu pelajarnya ke seberang laut, dan saya telah meminta agar pelajar-pelajar Jepun juga dapat memilih Malaysia untuk mereka belajar kerana medium of instruction adalah dalam bahasa antarabangsa yang memang Jepun meminati untuk menggunakan bahasa antarabangsa ini untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Dan semoga apa yang kita pelajari dalam sepanjang lawatan saya di Tokyo ini akan saya sambung lawatan di Osaka besok untuk saya mendapat pendedahan di dalam bidang-bidang lain yang terkait dalam bidang yang saya penguruskan jawatankuasa terutamanya dalam sektor halal dan beberapa sektor yang terkait.

Faedah di Tokyo ini terlalu banyak dan tindakan-tindakan susulan mesti dilakukan bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, tetapi MARA yang mempunyai beberapa institusi pendidikan TVETnya, begitu juga universiti pengajaran tinggi di mana terdapat empat MTUN iaitu universiti yang terlibat di dalam bidang teknikal dan ini akan dikoordinasikan selain daripada meningkatkan taraf TVET kita dengan Bidang-bidang baharu yang telah digunakan di dalam sistem pendidikan teknikal di negeri Jepun.